

09/08/2000

Utamakan tenaga profesional tempatan

Malaysia Boleh

TERLEBIH dulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas kejayaannya untuk terus menerajui pemerintahan di Malaysia.

Ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia masih tetap menaruh harapan dan kepercayaan untuk kerajaan meneruskan agenda pembangunan dalam semua aspek, terutama ekonomi.

Di segenap pelosok negara pula, terutama di sektor industri minyak dan gas, banyak loji baru sedang rancak dibangunkan. Tidak dapat dinafikan bahawa sektor ini sememangnya menyumbangkan pendapatan lumayan kepada setiap individu yang terbabit.

Terima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana mewujudkan banyak peluang pekerjaan.

Namun, pada masa yang sama, saya terkilan kerana terdapat beberapa jawatan sama ada profesional atau separa profesional diberi kepada rakyat asing. Sedangkan tugas berkenaan mampu dilakukan oleh rakyat Malaysia sendiri, malah mungkin lebih baik daripada itu.

Pada pendapat saya, adalah sesuatu yang merugikan kerana modal besar telah kita laburkan sedangkan manfaat, teknologi dan pengalaman diambil oleh orang lain. Kurang pengalaman bukanlah satu alasan kerana sesiapa pun tidak akan memperolehi pengalaman tanpa diberi peluang untuk melakukannya terlebih dahulu.

Pada masa yang sama, secara tidak langsung kita sendiri telah menyumbang kepada pengaliran keluar wang negara.

Sekiranya hal ini berterusan, matlamat negara maju yang sedang kita perjuangkan untuk tempoh 20 tahun lagi mungkin tidak seimbang dengan kemampuan, kelayakan dan kebolehan tenaga kerja tempatan untuk melakukannya.

Ini ditambah lagi dengan pertambahan mendadak graduan daripada lepasan sama ada IPTA mahupun IPTS yang masih tercari-cari hala tuju mereka.

Dalam kesempatan ini juga, saya menyeru kepada lepasan institusi kemahiran, terutama Bumiputera, supaya tampil menceburkan diri dalam bidang ini. Antara peluang yang terbuka kepada mereka ialah kerja paip, kimpalan, binaan dan elektrik.

Sehubungan itu, saya amat berharap kepada kementerian berkaitan supaya memandang serius perkara ini dan mengambil langkah sewajarnya. Keutamaan hendaklah diberikan kepada rakyat tempatan demi kebaikan bersama.